

13/08/1999

Pakatan pembangkang tidak dapat contohi BN

SEREMBAN, Khamis - Pakatan parti pembangkang tidak akan dapat meniru malah mengamalkan konsep Umno dan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) yang sanggup bersepakat serta bekerjasama bagi memaju serta menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Pas, DAP dan Keadilan tidak akan mampu berbuat demikian walaupun mereka ghairah bekerjasama.

"Apa yang boleh mereka lakukan jika sesama sendiri bercakaran, menipu rakyat dan berjuang atas landasan amat berbeza serta tiada keikhlasan. Mereka hanya sepakat apabila pilihan raya umum diadakan dan selepas itu lenyap.

"Berbanding dengan BN yang mempunyai konsep perjuangan dan pendekatan yang sentiasa hormat menghormati antara satu sama lain dan membuat keputusan bersama untuk kepentingan rakyat serta negara.

"Oleh itu, apa gunanya kita terpengaruh dengan pelbagai dakyah parti pembangkang dan kita hendaklah menolak parti pembangkang yang mempunyai cita-cita palsu," katanya dalam majlis perjumpaan bersama rakyat anjuran Umno Bahagian Seremban di balai raya Kampung Sentosa Jaya, di sini malam tadi.

Mustapa turut meminta semua ahli dan pemimpin parti komponen BN merapatkan barisan kerana kini adalah musim untuk bekerjasama sesama sendiri menjelang pilihan raya umum.

Beliau berkata, mereka janganlah merosakkan asas kukuh dan perpaduan yang diletakkan selama ini.

Katanya, orang Melayu hendaklah menjadikan iktibar apa yang berlaku terhadap sebahagian daripada mereka di Kelantan yang menderita di bawah pemerintahan Pas yang gagal menaikkan taraf kehidupan mereka.

Bagaimanapun, katanya, kini keadaan semakin berubah apabila kerajaan BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberikan perhatian khas dengan menyalurkan pelbagai bantuan.

"Apa yang menarik ialah sikap ramai penduduk Kelantan sudah mula menerima usaha yang dijalankan oleh kerajaan dan ada penyokong Pas turut menolak parti itu dan memasuki Umno.

"Baru-baru ini kerajaan membelanjakan RM60,000 untuk membaiki beberapa masjid yang uzur di negeri itu. Pas tidak berupaya berbuat sesuatu sehingga menyulitkan penduduk berjemaah," katanya.

Mustapa berkata, semangat dan keyakinan orang Melayu kini turut meningkat apabila bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah diberi kepercayaan memimpin Umno Kelantan.

"Razaleigh boleh diterima penduduk negeri itu dan beliau bersama barisan pemimpin lain bekerja keras untuk merampas Kelantan daripada Pas," katanya.

(END)